




1. Tandakan (✓) pada pilihan bermoral dan (X) pada pilihan tidak bermoral berdasarkan pernyataan yang diberi. **TP1**

Pernyataan	(✓) / (X)
(a) Morris membuat keputusan untuk memilih kerjaya sebagai polis kerana pekerjaan tersebut dapat membantu negara mengurangkan kes jenayah.	✓
(b) Wai Hong telah terpengaruh oleh rakannya yang sering melanggar peraturan sekolah. Akibatnya, dia telah dibuang sekolah.	X
(c) Alicia menjauhi rakan-rakannya yang suka merokok dan mengambil minuman keras untuk menghindarkan diri daripada terlibat dalam gejala tersebut.	✓
(d) Wen Check telah tersalah memilih jurusan semasa menyambung pelajarannya. Hal ini menyebabkan dia sukar untuk mendapatkan pekerjaan.	X
(e) Gilbert tidak mendengar nasihat ibunya supaya meninggalkan perempuan yang dipilihnya sebagai isteri kerana perempuan tersebut bukan perempuan yang baik.	X
(f) Ibu Tina selalu menasihatinya agar menjaga batas pergaulan, tetapi tidak diendahkannya. Akibatnya, dia telah mengandung.	X
(g) Aiman tidak dapat membuat keputusan untuk memilih jurusan yang akan diambilnya di universiti nanti. Oleh yang demikian, dia terlepas untuk mengisi borang permohonan ke universiti.	X
(h) Devi telah lari dari rumah apabila ibu bapanya melarangnya bercinta dengan seorang lelaki, kini dia tiada tempat perlindungan yang selamat.	X
(i) Zainal mula berjinak-jinak dalam aktiviti lumba haram dan merokok akibat terpengaruh oleh rakan-rakannya.	X
(j) Fariha telah menolak lamaran seorang lelaki kerana mahu menumpukan perhatian terhadap pelajaran dan mencapai cita-citanya.	✓
(k) Sim Kai sangat kecewa apabila gagal untuk melanjutkan pelajarannya ke London. Setelah bapanya memujuknya, akhirnya dia bersetuju untuk menyambung pelajaran di universiti tempatan sahaja.	✓

2. Jelaskan keperluan membuat pilihan bermoral berdasarkan aspek yang berikut. TP 2

i-Think Peta Dakap





Praktis Ekstra

Unit 2

Anugerah Alam Ciptaan Tuhan

1. Berdasarkan foto yang diberi, tandakan (✓) pada alam ciptaan Tuhan dan (X) pada bukan ciptaan Tuhan. **TP1**

(a)



(b)



(c)



(d)



(e)



(f)



(g)



(h)



(i)



2. Jelaskan kesan pengabaian anugerah alam ciptaan Tuhan. TP 4

i-Think Peta Buih



3. Terangkan cara-cara menghargai anugerah ciptaan Tuhan yang berikut. TP 4 KBAT Menilai

(a) Tumbuhan	»»»»	<u>Mengawal aktiviti pembalakan untuk mengelakkan kepupusan flora dan bencana alam seperti banjir dan tanah runtuh</u>
(b) Haiwan	»»»»	<u>Membanteras aktiviti penyeludupan haiwan untuk mengelakkan kepupusan hidupan liar</u>
(c) Manusia	»»»»	<u>Saling menghormati dan menyayangi antara satu sama lain bagi menjamin keharmonian dan kesejahteraan hidup bersama</u>
(d) Alam sekitar	»»»»	<u>Menjaga kebersihan sungai, udara dan persekitaran untuk mengelakkan pencemaran yang boleh menjejaskan kesihatan dan berlakunya bencana alam</u>



Berdasarkan foto yang diberi, jawab soalan-soalan yang berikut. TP 5 TP 6



1. Apakah perasaan anda apabila mempunyai kawan seperti foto di atas?

Risau kerana kawan sedang bersedih.

2. Jelaskan faktor-faktor yang menyebabkan seseorang itu berhadapan dengan kecelaruan emosi.

KBAT Menilai

(a) Tersalah memilih kawan

(b) Terlibat dalam masalah sosial

3. Jelaskan **dua** kesan kecelaruan emosi kepada seseorang jika tidak dikawal dengan baik.

KBAT Menganalisis

(a) Menghadapi tekanan perasaan

(b) Hilang kawalan/ Kemurungan

4. Terangkan **dua** langkah yang boleh diambil untuk mengawal kecelaruan emosi dalam kalangan murid.

(a) Memanggil ibu bapa untuk berbincang tentang masalah murid

(b) Memberikan kaunseling kepada murid



Praktis Ekstra

Unit 4

Amalan Tradisi Kekeluargaan Khazanah Kita

1. Berdasarkan gambar yang diberi, senaraikan **dua** tradisi kekeluargaan yang diamalkan oleh mereka. **TP1**

(a)

Kaum Cina



- Memberikan angpau kepada mereka yang belum berkahwin
- Memakai pakaian berwarna merah semasa Tahun Baharu Cina

(b)

Kaum India



- Mendidihkan susu dalam periuk semasa masuk ke rumah baharu
- Menggantung labu di halaman rumah sebagai tanda mengalihkan "mata jahat"

(c)

Kaum Sikh



- Memakai gelang besi
- Kaum lelaki dilarang memotong rambut dan perlu memakai serban agar rambut panjang mudah diurus

(d)

Kaum Dayak



- Melaga ayam
- Makan besar

2. Berdasarkan situasi yang diberi, jelaskan kesannya terhadap tradisi kekeluargaan.

(a)

Muthu tidak mahu menyambut tradisi ponggal bersama-sama keluarganya kerana baginya perayaan itu ketinggalan zaman.

Tradisi kekeluargaan akan hilang ditelan zaman / Waris Muthu tidak kenal akan tradisi ini

(b)

Keluarga Ah Meng menyambut perayaan Tahun Baharu Cina dengan tarian singa. Setiap ahli keluarganya mahir bermain tarian singa.

Tradisi ini dapat dikekalkan kepada generasi akan datang

(c)

Zainal tidak malu memakai baju Melayu semasa menyambut ulang tahun kelahirannya di London. Baginya tradisi perlu dikekalkan.

Imej negara Malaysia akan meningkat / Tradisi kekeluargaan ini dapat diperkenalkan kepada penduduk negara lain

(d)

Setiap tahun, masyarakat Sarawak akan menyambut Hari Gawai Dayak di rumah panjang.

Tradisi kekeluargaan dapat dipelajari oleh generasi muda dan mengeratkan hubungan



Praktis Ekstra


Unit 5

Konflik dalam Adab Persahabatan

1. Senaraikan cara-cara menyelesaikan konflik dalam persahabatan. TP 2

- (a) Bertolak ansur terhadap perkara yang berlaku
- (b) Berbincang untuk menyelesaikan masalah
- (c) Meminta maaf jika melakukan kesalahan
- (d) Menggunakan bahasa yang sopan
- (e) Mendengar pandangan rakan

2. Jelaskan kepentingan menyelesaikan konflik dalam persahabatan. TP 3 KBAT Menilai



3. Berdasarkan dialog yang diberi, jawab soalan-soalan yang berikutnya. **TP 5 TP 6**

Thomas : Simon, petang ini kita pergi memancing ikan.

Simon : Aku minta maaf. Petang ini aku ada kerja yang perlu diselesaikan.

Thomas : Tolonglah ikut aku, sudah lama aku tidak pergi memancing.

Simon : Kamu ini sering mementingkan diri. Asyik aku sahaja yang perlu mengikut kehendak kamu. Kali ini aku tidak mahu mengikut kamu. Nanti kerja aku yang tertangguh.

- (a) Sekiranya anda Thomas, apakah perasaan anda?

Sedih kerana dikatakan mementingkan diri sendiri.

- (b) Nyatakan **dua** tindakan yang perlu dilakukan oleh Thomas untuk memperbaiki hubungannya dengan Simon. **KBAT** Menilai

(i) Membatalkan niatnya untuk memancing

(ii) Membantu Simon menyelesaikan kerjanya

- (c) Senaraikan kesan negatif akibat berkonflik dengan rakan. **KBAT** Menilai

(i) Hubungan menjadi renggang

(ii) Menghadapi tekanan perasaan

- (d) Terangkan **dua** cara anda menyelesaikan konflik yang berlaku dengan sahabat anda.

KBAT Mengaplikasi

(i) Berbincang untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi

(ii) Meminta maaf daripada rakan



Praktis Ekstra

Unit 6

Hidup Bersatu Padu
Menjana Kesejahteraan

1. Nyatakan cara hidup bersatu padu dalam kepelbagaian masyarakat. **TP 2**

- (a) Melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan pelbagai kaum
- (b) Menerima dan menghormati kepelbagaian agama, bangsa dan budaya
- (c) Menjaga sensitiviti pelbagai kaum yang ada
- (d) Bertoleransi dan hidup bermuafakat
- (e) Menghayati dan mengamalkan prinsip Rukun Negara

2. Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai berkaitan dengan kepentingan amalan hidup bersatu padu. **TP 3**

bimbang	perhotelan	tenang	pekerjaan	harmoni	selesa
perkhidmatan	kemajuan	aman	kerjasama	kemudahan	perindustrian

- (a) Rakyat Malaysia dapat hidup dengan aman dan harmoni apabila mengamalkan hidup bersatu padu.
- (b) Melalui perpaduan juga, rakyat Malaysia dapat menjalankan pelbagai aktiviti dengan selesa dan tenang tanpa rasa bimbang akan keselamatan diri.
- (c) Perpaduan yang telah dibentuk dalam kalangan rakyat pelbagai kaum dapat membantu pihak kerajaan dan swasta menyediakan pelbagai kemudahan, perkhidmatan dan peluang pekerjaan kepada rakyat.
- (d) Perpaduan yang teguh dalam kalangan rakyat telah mewujudkan kerjasama dari segi politik dan ekonomi.
- (e) Kestabilan yang dinikmati akan menarik minat pelabur asing melabur dalam pelbagai sektor seperti perhotelan, perindustrian, perkhidmatan dan pengangkutan.
- (f) Pembangunan yang pesat dalam pelbagai bidang akan dapat meningkatkan kemajuan negara.



1. Jelaskan contoh piagam pelanggan perkhidmatan awam yang terdapat di negara kita. **TP 2**

Contoh piagam pelanggan perkhidmatan awam

(a) Cepat dalam semua tindakan

(b) Tepat dalam membuat keputusan

(c) Layanan mesra kepada pelanggan

(d) Menepati masa yang dijanjikan

(e) Adil dan saksama dalam pertimbangan

(f) Menentukan perkhidmatan dan maklumat mudah diperolehi serta boleh dipercayai

(g) Menepati undang-undang, dasar dan peraturan

2. Jelaskan cara anda menyuarakan pendapat tentang sesuatu perkhidmatan awam melalui cara berikut. **TP 3** **KBAT** **Mengaplikasi**

(a) Telefon



Menghubungi pihak berkenaan melalui panggilan telefon untuk menyatakan perkara berkaitan dengan perkhidmatan yang tidak sesuai dan tidak berkualiti

(a) Surat rasmi



Menghantar surat kepada pihak berkenaan untuk menyuarakan pendapat tentang mutu perkhidmatan awam

(a) Perbincangan



Berjumpa secara terus dengan pihak berkenaan bagi menyuarakan pendapat tentang mutu perkhidmatan awam

3. Fahami situasi dalam foto di bawah dan jawab soalan-soalan yang berikutnya. TP 5 TP 6



(a) Apakah perasaan anda apabila melihat situasi dalam foto di atas?

Sangat gembira kerana premis perkhidmatan awam bersih dan ceria.

(b) Jika anda tidak berpuas hati terhadap layanan yang diberikan, nyatakan **dua** cara anda mengadukan masalah tersebut. **KBAT** Mengaplikasi

(i) Menulis surat kepada jabatan aduan perkhidmatan awam

(ii) Mengisi borang aduan di pejabat perkhidmatan awam tersebut

(c) Jelaskan kesan perkhidmatan yang tidak berkualiti oleh perkhidmatan awam kepada masyarakat. **KBAT** Menilai

(i) Masyarakat akan berasa tidak selesa apabila berurusan

(ii) Masyarakat tidak akan berpuas hati terhadap perkhidmatan yang diberikan

(d) Senaraikan **dua** cara untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam di negara kita.

KBAT Menganalisis

(i) Menyediakan borang aduan di semua pejabat perkhidmatan awam

(ii) Menyediakan satu kaunter khas untuk membuat aduan jika ada perkara yang melanggar etika



1. Nyatakan contoh amalan 5R dalam kehidupan seharian. **TP 1**

- (a) Membawa beg kitar semula ketika membeli-belah
- (b) Mengasingkan barangan yang boleh dikitar semula
- (c) Membuka tingkap bilik untuk pengudaraan semula jadi
- (d) Membawa bekas makanan sendiri untuk membeli makanan
- (e) Menghantar bahan-bahan yang boleh dikitar semula ke pusat pengumpulan

2. Terangkan cara-cara meningkatkan amalan 5R dalam kalangan masyarakat berdasarkan aspek yang berikut. **TP 3** **KBAT** **Mengaplikasi**

(a) Kempen

Melaksanakan kempen kesedaran kepada masyarakat tentang
kebaikan amalan 5R

(b) Media massa

Menyebarkan amalan 5R melalui media massa seperti televisyen
dan surat khabar

(c) Risalah

Mengedarkan risalah kepada masyarakat tentang amalan 5R agar
mereka sedar akan kewujudan amalan ini di negara kita

(d) Pendidikan

Menerapkan amalan 5R dalam mata pelajaran yang berkaitan
seperti Pendidikan Moral serta Sivik dan Kewarganegaraan

(e) Undang-undang

Menguatkuasakan undang-undang berkaitan dengan kebersihan
alam sekitar dengan mendenda mereka yang melanggar peraturan



1. Tandakan (✓) pada tanggungjawab sosial dan (X) pada bukan tanggungjawab sosial. TP 1

(a) Mengutip derma untuk anak-anak yatim

✓

(b) Tidak melaporkan kejadian penderaan yang berlaku di kawasan perumahan anda

X

(c) Menderma darah di hospital kerajaan

✓

(d) Membuat bising di rumah dengan berkaraoke bersama-sama rakan-rakan

X

(e) Memberikan sumbangan pakaian dan makanan kepada mangsa banjir

✓

(f) Tidak menghadiri aktiviti gotong-royong yang dianjurkan oleh jawatankuasa kampung

X

(g) Menyertai program mengutip derma untuk rumah kebajikan orang-orang tua

✓

(h) Menggunakan perkhidmatan tempat meletak kenderaan orang kurang upaya

X

(i) Membantu orang buta melintas jalan

✓

(j) Menjadi anggota rela untuk meronda pada waktu malam bagi menjaga keselamatan kampung

✓

2. Berdasarkan gambar yang diberi, jelaskan kepentingan menunaikan tanggungjawab sosial dalam kehidupan bermasyarakat. TP 2


(a)



Menyelamatkan nyawa orang yang
memerlukan darah

(b)

Mengurangkan pencemaran alam sekitar




(c)




Mengelakkan penyakit berbahaya dan
merapatkan hubungan

(d)

Menyelamatkan nyawa mereka yang
terancam




(e)



Membantu meringankan beban golongan
OKU

3. Jelaskan peranan individu sebagai anggota masyarakat dalam melaksanakan tanggungjawab sosial terhadap golongan berikut. **TP 4** **KBAT** Mengaplikasi





1. Tandakan (✓) pada sikap yang beradab dan (X) pada sikap yang tidak beradab dalam majlis rasmi dan tidak rasmi. **TP1**

Pernyataan	(✓) / (X)
(a) Memakai pakaian yang sopan	✓
(b) Memakai baju tidak mengikut tema dan majlis yang diadakan	X
(c) Duduk dengan sopan dan tertib	✓
(d) Mengambil makanan yang banyak dan berlebihan	X
(e) Tidak bising semasa majlis berlangsung	✓
(f) Meletakkan kereta sehingga menghalang kereta lain untuk parkir	X
(g) Tidak mengganggu majlis yang diadakan	✓
(h) Menumpahkan makanan dan minuman	X
(i) Menghormati tetamu yang hadir	✓
(j) Makan sambil berdiri dan berjalan	X
(k) Menghina tetamu yang hadir tentang pakaian	X
(l) Mengkritik makanan yang dihidangkan	X
(m) Makan dengan senyap dan tidak bercakap	✓
(n) Memarahi tetamu kerana datang lewat	X
(o) Menari dan ketawa dengan kuat	X

2. Bandingkan adab dalam majlis rasmi dengan majlis tidak rasmi. **TP 1**



3. Jelaskan kepentingan beradab dalam sesuatu majlis. **TP 2** **KBAT** **Menilai**






1. Terangkan faktor-faktor yang menyumbang kepada jenayah juvana. TP 2

i-Think Peta Buih



2. Jelaskan cara menghindari jenayah juvana dalam kalangan remaja. TP 4 KBAT Menganalisis





Praktis Ekstra

Unit 12

Kebebasan Bersuara Menjamin Kemakmuran Negara

1. Berdasarkan peta konsep di bawah, jelaskan maksud kebebasan bersuara yang terdapat dalam Perlembagaan Malaysia. **TP 1**



Apa itu kebebasan bersuara?

Kebebasan bersuara bermaksud kebebasan berucap dan mengeluarkan pendapat dengan batasan.

Kebebasan bersuara terdapat dalam Perlembagaan Malaysia. Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi negara.

Maksud kebebasan bersuara

Perlembagaan menjamin hak kebebasan bersuara kepada semua rakyat Malaysia.

Perkara-perkara yang disampaikan perlu mempunyai batasan dan peraturan untuk menjaga keharmonian masyarakat Malaysia.

2. Isi tempat kosong tentang keperluan kebebasan bersuara dengan batasan. **TP 2**

- (a) Mengelakkan berlakunya salah faham antara kaum
- (b) Mengekalkan keharmonian negara
- (c) Mengukuhkan perpaduan antara kaum
- (d) Menjaga ketenteraman awam
- (e) Meningkatkan kemakmuran negara

3. Nyatakan kesan penyalahgunaan hak kebebasan bersuara. **TP 4**

- (a) Mencetuskan pergaduhan antara kaum
- (b) Menimbulkan suasana huru-hara
- (c) Menggugat keamanan negara
- (d) Menjejaskan kestabilan politik
- (e) Mencemarkan imej negara



Praktis Ekstra Unit 13

Amalan Tradisi Masyarakat Majmuk

1. Berdasarkan gambar di bawah, terangkan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan bagi mengekalkan tradisi dalam masyarakat majmuk. Kemudian, nyatakan perasaan anda setelah bertindak sedemikian. **TP 3 KBAT Menganalisis**

Situasi	Tanggungjawab yang perlu dilaksanakan	Perasaan
(a) 	Bersama-sama menyertai aktiviti gotong-royong di kawasan kejiranan	Gembira/Bangga
(b) 	Menziarahi jiran dengan membawa buah tangan atau berkongsi makanan dengan jiran	Gembira/Bangga
(c) 	Membantu jiran/ sesiapa yang memerlukan bantuan / Menderma kepada mereka yang memerlukan	Gembira/Bangga
(d) 	Menziarahi rakan yang sakit di hospital dan mendoakan kesejahteraannya	Gembira

2. Nyatakan kepentingan mengekalkan tradisi dalam masyarakat majmuk. TP 2

- (a) Dapat mengukuhkan perpaduan
- (b) Menghindari konflik budaya
- (c) Menyumbang kepada keamanan dalam negara
- (d) Mengenal kepelbagaian budaya

3. Apakah kesan pengabaian tradisi dalam masyarakat majmuk? TP 4

- (a) Sikap hormat berkurangan
- (b) Berasa sakit hati dan mula mengasingkan diri
- (c) Identiti dan khazanah negara bangsa akan hilang
- (d) Perpaduan negara tergugat
- (e) Sikap bekerjasama dipinggirkan
- (f) Amalan hidup bersatu padu terjejas



Praktis Ekstra

Unit 14

Kemanusiaan Asas Kemoralan

1. Lengkapkan **tiga** peraturan asas dalam Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa. **TP 1**

- (a) Dilarang membuat serangan yang boleh memusnahkan orang awam atau harta benda awam.
- (b) Dilarang membunuh orang awam, kombatan yang cedera dan sakit serta tawanan perang.
- (c) Sebarang serangan hendaklah terhad kepada kombatan dan tentera sahaja.

2. Berdasarkan foto di bawah, nyatakan contoh pencabulan Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa di negara yang berkonflik. **TP 3**

(a)



Membuat serangan terhadap bangunan awam

(b)



Menyerang petugas hospital dan ambulans

(c)



Membuat serangan terhadap orang awam yang tidak bersenjata

(d)



Merosakkan alam semula jadi